

BAB 3
KONSEP “KOMUNIKASI BERSEPADU”
DALAM KONTEKS PENDIDIKAN SOKA GAKKAI

3.1 Pandangan Pendidikan Soka Gakkai Untuk Kewarganegaraan Sedunia

Pendidikan yang sebenar tidak bertujuan meletakkan seseorang dalam acuan yang sama. Sebaliknya, ia merangsangkan manifestasi potensi-potensi dalam seseorang, dan membolehkan manusia memperolehi pengetahuan dan kemahiran teknik yang akan memancar seperti permata dalam kehidupan. Soka Gakkai percaya bahawa berdasarkan falsafah dan ajaran Buddha, setiap orang boleh mengasuh kemampuan dirinya ke tahap yang paling tinggi, dan pada masa yang sama membentuk nilai yang tertinggi dalam kehidupan. Pendidikan sepatutnya mencungkil potensi yang terpendam pada diri insan. Menerusi proses ini, unsur pengawalan diri dan pengakuan terhadap orang lain dapat mengembangkan pelbagai kelebihan dalam sifat manusia. Dalam hal ini, prinsip dan amalan Buddhism menjadi teras pendidikan Soka Gakkai.

Terdapat prinsip yang berbunyi “*Ying, Mei, Tao, Li*”(櫻、梅、桃、李)¹ dalam falsafah Nichiren Shoshu, yang menegaskan hakikat perbezaan antara individu. Potensi mengembangkan sendiri secara saksama perlu, agar budaya pelbagai kaum dapat berkembang secara harmoni. Dalam hal ini, Prof. Dr. David L. Norton dari Universiti Delaware, Amerika Syarikat, telah membuat kajian mendalam tentang falsafah pendidikan Makiguchi.² Tesis beliau yang ditulis pada 1991 telah membincarkan prinsip “*Ying, Mei Tou, Li*” tersebut dalam usaha memupuk keharmonian hidup di kalangan manusia. Menurut beliau, tugas para pendidik ialah

mendidik para pelajar untuk merealisasikan amalan memahami dan menghormati pelbagai budaya dan kepercayaan seperti yang disarankan oleh prinsip “*Ying, Mei, Tou, Li*” tersebut. Budaya, kepercayaan dan amalan tetap memiliki nilai kebaikan dan kebenarannya. Untuk mencapai matlamat ini, para pelajar perlu mengikis fikiran sempit akibat daripada kejalilan. Mereka harus menyedari bahawa kebaikan dan kebenaran tidak hanya terikat kepada budaya, kepercayaan, dan amalan mereka semata-mata.³

Dalam Buddhisme, “*Zi ti xuan zao*” (自体显照) bermaksud “memperkembangkan potensi terpendam diri sepenuhnya tanpa mengorbankan atau berselisih dengan orang lain.” Ungkapan ini juga merujuk kepada cara hidup berdasarkan kerahiman serta kesedaran akan perbezaan antara individu di samping mempertingkatkan daya kendiri dalam usaha mencapai keharmonian hidup di persekitaran yang berbeza budayanya.

Jean Jacques Rousseau pernah berkata bahawa antara pelbagai bentuk pengetahuan manusia, pengetahuan tentang diri seseorang merupakan pengetahuan yang kurang maju (lihat Arnold Toynbee dan Daisaku Ikeda, 1989 : hlm 289). Misi asal Soka Gakkai menegaskan kebijaksanaan dalam diri manusia yang diilhamkan oleh kebijaksanaan Buddhisme.

Bagi Soka Gakkai, pendidikan membawa kepada pengiktirafan kesaksamaan. Unsur pendidikan diterima sebagai nilai tertinggi untuk membentuk insan kamil.⁴ Para pendidik bertanggungjawab mengajar, mendidik, dan menentukan corak pengetahuan yang mampu mengembangkan keamanan dan kebahagiaan

manusia. Dalam erti kata yang sebenar, pembelajaran diadakan berasaskan perhubungan manusia dan kehidupan harian dari mana ia membesar dan berkembang. Dengan kata lain, pembelajaran dan pendidikan mencakupi kebijaksanaan yang lebih penting daripada perolehan ilmu pengetahuan semata-mata.

3.2 Konsep “Komunikasi Bersepadu” Dalam Aktiviti Pendidikan SGM

Dalam arus globalisasi, manusia sedang menghadapi isu hangat pembinaan suatu tamadun dunia, yang disifatkan oleh Toynbee⁵ sebagai “kepelbagaian dalam kesatuan, kesatuan dalam kepelbagaian.”⁶ Soka Gakkai berpendirian bahawa kunci untuk membentuk tamadun dunia seperti ini ialah “pendidikan” dalam erti kata yang lebih luas. Presiden Soka Gakkai yang pertama, Makiguchi dalam karya beliau berjudul *The Geography of Human Life*,⁷ telah menekankan konsep keharmonian hidup manusia. Makiguchi menyarankan agar “persaingan bertentangan” dihapuskan, dan manusia haruslah menuju ke zaman “persaingan bermanfaat”. Selanjutnya, beliau menegaskan bahawa persaingan kemanusiaan terhadap jenis persaingan seperti persaingan tentera, persaingan politik, dan persaingan ekonomi akan membawa kepada “revolusi” di mana persaingan ideologi akan diubah kepada ideologi hidup sepakat, bermuafaat dan berharmoni. Sehubungan itu, manusia perlu mengamalkan sikap *boddhisattva* yang rela menyumbang kepada usaha mempertingkatkan keselesaan hidup orang lain. Sebagai insan yang mulia, pemilihan cara hidup yang menguntungkan kedua-dua pihak, iaitu orang lain dan diri kita, merupakan usaha bersama manusia pada alaf ini.

Profesor Toynbee juga pernah berkata bahawa cuma terdapat satu cara untuk manusia terus hidup, iaitu pelbagai bangsa sudi hidup bersama dan menyedari

bahawa bukan hanya terdapat satu cara tunggal untuk menyelamatkan manusia.⁸ Mematuhi sepenuhnya semangat “kesudian hidup bersama”, merupakan semangat paling asas bagi ideologi global. Semangat ini diistilahkan sebagai “humanisme” (*Ren*) oleh Soka Gakkai yang merangkumi semangat “memanfaatkan orang lain dan diri kita sendiri”.

“Revolusi Manusia” dianggap sebagai rukun utama agama Buddha Nichiren Shoshu. Soka Gakkai berpandangan bahawa kesedaran setiap individu tentang erti kehidupan akan bergelora ke luar sehingga ia melibatkan cara hidup seluruh manusia.

Kemanusiaan boleh dibebaskan daripada kitaran kekejaman pererangan cuma menerusi generasi baru yang dipupuk dan disemai dengan nilai menghargai kesucian penghidupan. Pandangan ini merupakan rayuan bersemangat daripada Josei Toda⁹ yang mengutamakan kegiatan-kegiatan pendidikan. Bagi Josei Toda, pendidikan haruslah menjadi kuasa komunikasi yang dapat menggerakkan usaha mencari sifat perikemanusiaan yang abadi.

3.2.1 Tadika Seri Soka SGM

Menyedari bahawa sekolah dan universiti merupakan tapak menyemai keamanan dan hak asasi manusia, konsep “Pendidikan Manusia” menjadi pegangan dasar SGI. Bagi Ikeda, sekolah dan universiti sebagai pusat pendidikan, menjadi buaian membina budaya dan menjadi kubu mempertahankan keamanan manusia.

Selaras dengan idea dan impian Ikeda, SGM memulakan langkah membentuk komunikasi bersepada melalui saluran pendidikan. Pada tahun 1994, Tadika Seri Soka (TSS) ditubuhkan hasil sumbangan tenaga dan kewangan ahli-ahli SGM. Dalam kawasan yang seluas satu hektar, terdapat pelbagai kemudahan seperti dewan perhimpunan, bilik bacaan, bilik muzik, bilik pandang dengar, bilik pameran, bilik penyambut tetamu, dan kawasan permainan (dalam dan luar bangunan). Alam sekitar yang tenang dan nyaman dalam Tadika telah menyediakan suasana pembelajaran yang baik untuk kanak-kanak. Walaupun tadika ini mendapat sumbangan daripada ahli-ahlinya tetapi tadika ini terbuka kepada semua kanak-kanak dari pelbagai kaum yang berdekatan. Kini TSS mempunyai seramai 540 orang murid.

Moto TSS ialah “Ketabahan, keikhlasan, kecerdasan”. Berdasarkan semangat yang mulia ini, guru-guru Tadika ini mengamalkan prinsip menghargai dan menghormati keperibadian kanak-kanak agar dapat memanifestasikan potensi kanak-kanak yang tidak terbatas melalui pelbagai aktiviti seperti berkebun, bersenam, mengadakan pameran kraftangan dan konsert, lawatan ke ladang UPM dan rumah anak-anak yatim (Gambar 3.1). Di samping menyampaikan pengetahuan, guru-guru TSS juga cuba membentuk sahsiah pelajar agar menjadi warganegara yang menghormati kelainan budaya dan membantu mewujudkan keharmonian hidup antara kaum. Dalam usaha mempertingkatkan kaedah pengajaran, TSS juga sering berkomunikasi dengan tadika lain (Gambar 3.2). Antara tadika tersebut termasuklah Tadika Jack and Jill, Tadika Methodist Trinity dan juga delegasi dari Pertubuhan Dunia untuk Pendidikan Awal Kanak-Kanak (OMEP). Segala objektif, prinsip,

dan metodologi pengajaran serta aktiviti Tadika dijalankan bertunjangkan pembentukan persefahaman.

3.2.2 Penyerapan “Komunikasi Bersepadu” Menerusi Aktiviti Pembelajaran Falsafah Buddhism

Aktiviti pembelajaran falsafah Buddhism dilakukan berlandaskan prinsip “Komunikasi Bersepadu”. Umumnya, aktiviti-aktiviti pembelajaran tersebut dikendalikan oleh komunikator yang berpengalaman dan segala percampaikan fikiran dan perbincangan ajaran Buddha dilakukan dalam bentuk kumpulan.

Dari segi perjalanan perbincangan, perbincangan ajaran dan aktiviti pendidikan SGM dilakukan dalam suasana terbuka dan ahli-ahlinya bebas membicarakan sesuatu isu dalam sesuatu sesi perbincangan. Ahli senior akan berfungsi sebagai komunikator dalam sesuatu sesi perbincangan. Ahli senior akan menjadi penggerak utama bagi aktiviti pendidikan SGM. Ahli-ahlinya pula akan terdorong untuk berbincang dan berkongsi pendapat secara mesra. Keterbukaan dalam perbincangan antara ahli-ahlinya selaras dengan tradisi kebudayaan agama Buddha yang mementingkan komunikasi dua hala bagi mencapai keharmonian.

Segala khidmat nasihat dan kaunseling yang disampaikan oleh ahli senior SGM adalah berasaskan koleksi ucapan dan bimbingan Daisaku Ikeda atau *Gosho Nichiren Daishonin* agar ahli-ahlinya berjaya membina sikap positif dan mampu mengawal emosi diri. Di samping itu, lawatan ke rumah ahli-ahlinya juga diadakan pada setiap bulan untuk mengeratkan hubungan dan memberikan sokongan moral

kepada ahli-ahlinya. Sesi perbincangan yang diadakan itu kesemuanya berlandaskan prinsip komunikasi yang menekankan “kebahagiaan umat manusia”.

Aktiviti pembelajaran SGM juga menekankan konsep “ilmu” (*Xuewen*) yang melibatan aspek “belajar” dan “menyoal”. Dalam hal ini, kaedah komunikasi dan interaksi memainkan peranan penting bagi memupuk persefahaman dan mencapai keharmonian hidup. Hasil komunikasi SGM berjaya menggalakkan ahli-ahlinya menjadi cukup komited dan memberikan sumbangan sama ada dalam bentuk material ataupun tenaga kepada badan-badan kebajikan dan sekolah-sekolah tertentu. Sebanyak RM 580,000 telah berjaya dikutip menerusi pelbagai kegiatan Pesta Kebudayaan Amal bagi tempoh 1995-2000 dan hasil kutipan ini telah disalurkan kepada 64 buah badan kebajikan dan sekolah (Lampiran 1). Di samping itu, pada tahun 2000, SGM juga turut memaparkan semangat boddhisattvanya dengan memberikan derma kepada Tabung Kemanusiaan JE (Japanese Encephalitis) dan tabung Taiwan Earthquake Relief Fund. (Lampiran 2). Usaha ahli SGM di atas jelas membuktikan bahawa mesej dan ajaran Buddha SGM telah diterima dan diamalkan oleh ahli-ahlinya secara positif. Diharapkan juga orang awam akan turut menghayati mesej SGM menerusi kegiatan dan komunikasi yang seharuan itu.

Dalam konteks pembelajaran falsafah Buddhisme, perantara yang membawa mesej SGM kepada organisasi lain amatlah istimewa. Perantara ini bukan dilakukan menerusi saluran media massa seperti radio, televisyen, telefon, komputer, dan suratkhabar yang biasanya digunakan oleh orang ramai, tetapi melalui saluran “manusia”. Ahli-ahli SGM yang menjadi saluran SGM untuk menyampaikan mesej yang berteraskan unsur humanisme. Cara ini dipercayai dapat membawa

keharmonian hidup kepada manusia kerana ahli-ahli SGM dan masyarakat umum sama-sama berganding bahu dalam pelbagai kegiatan bagi mencapai keamanan manusia.

Usaha demikian merupakan amalan *boddhisattva* ahli SGM yang penting dalam menunaikan amalan *dana* dan *samanartha*. Mereka berharap penglibatan mereka dalam pelbagai kegiatan kebajikan secara sukarela akan memberikan mereka peluang untuk membentuk nilai hidup, mencari erti penghidupan di samping memupuk keharmonian masyarakat.

3.3 Rumusan : Menjana Daya Kreatif Dalam Komunikasi Pendidikan

Karya teragung Plato yang berjudul *The Republic* memberi tumpuan kepada peranan jiwa manusia, hierarki sosial dan peri pentingnya keadilan dalam usaha membina masyarakat yang ideal. Dalam tradisi Soka Gakkai, ilmu pendidikan yang berdasarkan penciptaan nilai dan kebijaksanaan dianggap sebagai prasyarat untuk mencapai ketenteraman dan keharmonian. Pandangan ini juga dinyatakan dalam bab kelima karya *The Great Learning*¹⁰ seperti yang berikut :

Perkara diselidik, sempurnalah ilmu. Kesempurnaan ilmu melahirkan keikhlasan pemikiran. Pemikiran ikhlas mengubati hati. Hati terubat melahirkan insan beradab. Insan beradab membawa kesejahteraan keluarga. Keluarga sejahtera membina masyarakat adil. Masyarakat adil, seluruh negara damai dan sejahtera.

Maka jelaslah bahawa sejajar dengan ajaran Konfusius, SGM melaksanakan kegiatan yang dapat mengasah potensi ahli yang terpendam, mengembangkan potensi peribadi, mengilmukan insan untuk membina keteraturan

daripada kekalutan melalui pelbagai kegiatan yang berlandaskan komunikasi bersepada dalam konteks pendidikan Soka Gakkai.

Penyertaan aktif ahli-ahli SGM dalam Pesta Kebudayaan Amal, pendermaan darah, lawatan ke Pusat Pemulihan Orang-Orang Cacat, dan ke organisasi-organisasi kebajikan berjaya membantu ahli-ahli SGM mengikis sikap egoisme yang mementingkan diri.

Egoisme merupakan tenaga penolak dalam kesemua masalah utama yang dihadapi oleh manusia hari ini. Pendek kata, masalah persaingan kepuasaan berpunca daripada kurangnya kawalan dari diri manusia itu sendiri. Perjuangan untuk mengatasi egoisme dalam hidup dan di dalam alam diri yang lebih besar serta memberi sumbangan kepada orang lain menjadi asas amalan *bodhisattva*. Corak pendidikan SGM adalah berasaskan semangat mengutamakan amalan *bodhisattva* demi kesenangan orang lain. Hasrat ini tercapai menerusi “komunikasi bersepada” dalam konteks pendidikan Soka Gakkai.

Daisaku Ikeda berpendapat bahawa sifat baik dan jahat wujud secara serentak. Justeru, beliau amat menegaskan perihal pendidikan, terutamanya pendidikan moral. Akan tetapi pengalaman beliau membuktikan bahawa pengetahuan moral semata-mata adalah tidak memadai untuk memupuk keperibadian dan mengawal perlakuan manusia. Ini kerana pada hakikatnya perasaan tabii seseorang manusia bersifat individualisme. Oleh itu, Ikeda menyarankan agar “revolusi” bertitik-tolak daripada fikiran dalaman manusia. Revolusi sebegitu harus tercetus akibat relaan sendiri untuk meningkatkan keperibadian diri dan bukan akibat desakan


luar. SGM melihat “Revolusi Manusia” sebagai revolusi sifat keperimanusiaan manusia secara menyeluruh. Falsafah yang membincangkan revolusi jiwa memperlihatkan sejenis kuasa yang menggalakkan pemegang falsafah melaksanakan revolusi diri.

Namun, perlaksanaan revolusi kendiri cuma dapat dilakukan menerusi saluran komunikasi berdasarkan Nichiren Shoshu Buddhisme.


Nota Kaki

1. Merujuk kepada empat jenis bunga (ceri, plum, pic, aprikot) yang tumbuh indah secara tersendiri. Maklumat diperoleh daripada perbincangan panel tentang “Raising Children Through Humanistic Education”, *Cosmic* , Keluaran Januari, 1993, hlm 15.
2. Pengasas Soka Gakkai yang menyuarakan wawasannya tentang hubungan bersifat bersama dan saling menyokong antara manusia, masyarakat, dan alam sekitar.
3. *Cosmic*, Keluaran September, 1993.
4. Daisaku Ikeda, *Keamanan Abadi*, V 1, terjemahan *A Lasting Peace : Collected Addresses of Daisaku Ikeda*, (Petaling : Fajar Bakti Sdn Bhd, 1991) hlm 138.
5. Arnold Toynbee merupakan seorang ahli sejarah yang terkenal pada tahun 1940-an. Karyanya yang teragung yang berjudul *A Study of History* menjadi buku yang terlaris di Amerika Syarikat. Beliau juga mengadakan dialog dengan Daisaku Ikeda pada tahun 1970-an.
6. Arnold Toynbee dan Daisaku Ikeda, *Choose Life : A Dialogue*, (London : Oxford University Press, 1989) hlm 127.
7. Karya terkenal ini diterbitkan pada tahun 1903, iaitu pada zaman negara-negara sedang memperkuuh pertahanan negara, merebut kuasa dan juga semasa pemahaman antokritik kolonial sedang menular.
8. Arnold Toynbee dan Daisaku Ikeda, *Choose Life : A Dialogue*, (London : Oxford University Press, 1989) hlm 74.
9. Presiden Kedua Soka Gakkai iaitu Josei Toda merupakan seorang pendidik yang pernah dipenjarakan bersama Makiguchi atas ketegasan pendirian terhadap tentera Jepun serta polisi penindasan dan penaklukan. Beliau pernah membuat “Pengisyiharan Penentangan Senjata Nuklear” pada tahun 1957. Semangat Josei Toda sentiasa tersemedi dalam fikiran Daisaku Ikeda sehingga beliau meneruskan perjuangan “Keamanan Dunia” sehingga kini.
10. *The Chinese Classics : The Great Learning*, terjemahan James Legge, (Taiwan : SMC Publishing Inc, 1991) hlm 358-359.

Gambar 3.1
Aktiviti-aktiviti Pelajar TSS



Bermain sambil belajar.




Senaman fizikal.



Menikmati keriangan berkebun.



Ibu- bapa ahli keluarga pelajar
Menyaksikan hasil pameran
pelajar TSS.



Lawatan ke UPM.



Pemberian hadiah ciptaan sendiri kepada kanak-kanak rumah (Yatim) Ozanan di P.J.

Sumber : Risalah keluaran SGM tentang TSS dan *Cosmic*, September, 1998.

Gambar 3.2
Lawatan Pertubuhan Pendidikan & Tadika Lain Ke TSS



Lawatan delegasi OMEP ke TSS pada 20.10.2000.



Delegasi GPGSM yang melawat TSS pada 21.10.2000 bergambar bersama guru TSS.



Guru dari Tadika Jack and Jill dan Tadika Methodist Trinity di Petaling Jaya; dan Tadika Methodist Seremban melawat TSS pada 12.10.1998.
Sumber : *Cosmic*, keluaran November, 1998 dan Disember, 2000.


Gambar 3.3
Kem Motivasi dan Seminar Agama Buddha SGM



Kem motivasi belia SGM Pulau Pinang.



2300 orang ahli SGM menghadiri Seminar Agama Buddha pada 16-17, 23-24 September, 2000.



2000 orang ahli senior menghadiri seminar pembelajaran Agama Buddha pada 17.10.1998.

Sumber : Rujuk *Cosmic*, Disember, 1995, keluaran November, 1998, dan November, 2000.

Gambar 3.4
Lawatan SGM ke Organisasi Kebajikan



Persatuan Pemulihian Orang Cacat Selangor Wilayah Persekutuan.



Shepherd's Centre, Semenyih.



Rumah Chario, Puchong.



Rumah Hope, Petaling Jaya.





Rumah Orang Tua, Ampang.



Canossa Learning Centre, Jinjang

Sumber : *Cosmic*, keluaran Mac, 2000.

Gambar 3.5
Pesta Kebudayaan Amal SGM, Sarawak dan Selangor



Sumber : *Cosmic*, keluaran Oktober, 1997 dan Ogos, 2000.

Gambar 3.6
Pendermaan Hasil Kutipan kepada Organisasi Kebajikan dan Pendidikan



Huazi Resource & Research Centre Bhd.



Hospital UKM.



Persatuan Kecederaan Spina Malaysia.



Persatuan bagi Orang Buta Malaysia.



Ahli SGM bergambar dengan wakil 19 buah organisasi kebajikan dan pendidikan yang menerima derma hasil kutipan bazar amal Kumpulan Kaho SGM.

Sumber : *Cosmic*, keluaran Februari, 2000.